

Melaka bangunkan kawasan teknologi masa depan

SERI NEGERI - Tapak seluas 2,023 hektar (5,000 ekar) di koridor utara Melaka yang dirancang untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian baharu bukan sahaja menjadi pemangkin ekonomi sekitar sebaliknya pada masa yang sama mewujudkan pusat teknologi masa depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, kawasan industri baharu itu bakal melibatkan empat Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Tanjung Bidara, Taboh Naning, Lendu dan Kuala Linggi.

Kata beliau, kewujudan prasarana baharu pemangkin ekonomi itu adalah bertujuan untuk menggantikan kawasan perindustrian lama kini telah berusia setengah abad.

"50 tahun lalu, kita mempunyai dua kawasan 'Free Trade Zon' (FTZ) iaitu Batu Berendam dan Tangga Batu. Ketika ia diwujudkan, teknologi masih belum berkembang, jadi dengan perkembangan, perubahan semasa, kita lihat perlu diwujudkan prasarana serta fasiliti baharu di negeri ini.

"Kawasan ini sekali gus bakal menjadi sebuah pusat perindustrian baharu masa depan yang mana ia berupaya menarik dan me-

nerima pelabur dengan kemudahan terkini.

"Buat masa ini, Perbadanan Melaka (MCorp) sedang menjalankan kajian dan lakaran kawasan yang akan dikenal pasti untuk dimajukan sebagai kawasan perindustrian baharu di Utara Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan tambahan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (BN-Lendu) mengenai kesiapsiagaan kawasan industri baharu di Negeri Melaka pada hari terakhir Persidangan Ketiga (Bajet) DUN Melaka Yang Kelima Belas, di sini, pada Khamis.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, kawasan perindustrian yang dinamakan MCorp Hi Tech Park itu bakal dimajukan dan dibuka secara berfasa.

Jelas beliau, untuk fasa pertama, 404 hektar (1,000 ekar) tanah bakal diperoleh untuk dimajukan pada pertengahan tahun depan.

Ketua Menteri berkata, dengan 23 institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) beroperasi di negeri ini, Melaka sudah bersedia untuk menjadi pemacu teknologi masa depan.



AB Rauf ketika menjawab soalan lisan pada hari terakhir Persidangan Ketiga (Bajet) Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Yang Kelima Belas di Seri Negeri. Foto: MR. AZLI

**BAJET
2024
NEGERI MELAKA**

